

# KESAN AKTIVITI SUKARELAWAN TERHADAP PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN KEBAJIKAN PELAJAR

## *THE IMPACT OF VOLUNTEER ACTIVITIES ON STUDENT PERSONALITY DEVELOPMENT AND WELL-BEING*

Noradilah binti Sukor<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Politeknik Mersing, Johor. 86800 Johor Malaysia.  
(email : [noradilah@tvvet.pmj.edu.my](mailto:noradilah@tvvet.pmj.edu.my))

### Article history

**Received date** : 15-2-2025  
**Revised date** : 16-2-2025  
**Accepted date** : 24-3-2025  
**Published date** : 15-4-2025

### To cite this document:

Sukor, N. (2025). Kesan aktiviti sukarelawan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 138 - 145.

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kategori program sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik Mersing, Johor. Isu yang timbul adalah ramai pelajar tidak menunjukkan ciri-ciri sahsiah dan kurang memberi perhatian kepada kebajikan pelajar selepas menyertai program sukarela. Ini menimbulkan persoalan sama ada program sukarela yang dilaksanakan berjaya mencapai matlamat untuk membentuk sahsiah pelajar atau tidak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kategori program sukarelawan yang paling banyak disertai oleh pelajar serta mengenal pasti kepentingan aktiviti kesukarelawanan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. Pendekatan kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 72 orang pelajar Politeknik Mersing dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berskala nominal yang dibina sendiri tetapi telah melalui proses semakan bagi memastikan kesahihan kandungan. Kebolehpercayaan item soal selidik diuji menggunakan nilai Cronbach Alpha. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan kategori program sukarelawan yang paling tinggi disertai adalah Khidmat Masyarakat dengan 36 responden (13.5%). Walau bagaimanapun, penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan secara keseluruhan dilihat masih rendah. Malah, pelajar yang sama sahaja sering kali menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak politeknik. Kajian ini penting untuk mengenalpasti kesan aktiviti kesukarelawanan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. Hasil kajian diharapkan dapat membantu pihak institusi merangka strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan. Ini bagi memastikan matlamat program sukarela dalam membentuk sahsiah yang positif dapat dicapai dengan lebih efektif.

**Kata kunci:** Sukarelawan, Sahsiah, Kebajikan

**Abstract:** This study was conducted to identify the categories of volunteer programs participated in by students of Mersing Polytechnic, Johor. The issue that arose was that many students did not show personality traits and paid less attention to student welfare after participating in the volunteer program. This raised the question of whether the volunteer program implemented successfully achieved the goal of shaping the personality of students or not. Therefore, this study aimed to examine the categories of volunteer programs that were most participated in by students and to identify the importance of volunteer activities on the

*development of personality and student welfare. The study approach was quantitative using the survey method. A total of 72 Mersing Polytechnic students were selected as the study sample. The study instrument used was a nominal scale questionnaire that was self-constructed but had gone through a review process to ensure content validity. The reliability of the questionnaire items was tested using the Cronbach Alpha value. The data collected was analyzed descriptively. The results of the study showed that the category of volunteer programs with the highest participation was Community Service with 36 respondents (13.5%). However, student involvement in volunteer activities overall was still seen to be low. In fact, the same students often participated in activities organized by the polytechnic. This study is important to identify the impact of volunteering activities on the development of students' personality and welfare. The results of the study are expected to help institutions devise more effective strategies to increase student involvement in volunteering activities. This is to ensure that the goals of volunteering programs in shaping positive personalities can be achieved more effectively.*

**Keywords :** *Volunteer, Personality, Charity*

## **Pengenalan**

Aktiviti sukarelawan merupakan satu bentuk sumbangan tanpa mengharapkan balasan yang melibatkan masa, tenaga, dan komitmen individu untuk membantu komuniti atau golongan yang memerlukan. Abdul Kadir, et al. (2024).menjelaskan dalam konteks pendidikan, penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan semakin mendapat perhatian kerana kesannya yang positif terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan mereka. Pada era globalisasi yang penuh dengan cabaran sosial dan tekanan akademik, pelajar bukan sahaja memerlukan kecemerlangan dalam aspek akademik tetapi juga perlu dilengkapi dengan nilai moral, kemahiran sosial, dan kesejahteraan mental yang baik. Aktiviti sukarelawan dilihat sebagai platform yang berkesan untuk membentuk sahsiah yang positif melalui pengalaman sebenar dalam membantu masyarakat.

Aktiviti sukarelawan seperti CSR sangat penting kepada pelajar kerana ia membantu membentuk keperibadian, meningkatkan kesedaran sosial, dan memupuk nilai empati. Yahya Zikri, et al. (2022) menyatakan melalui aktiviti CSR, pelajar memperoleh pengalaman praktikal, membina kemahiran insaniah seperti kepimpinan dan kerja berpasukan, serta meningkatkan daya saing dalam dunia pekerjaan. Selain itu, penglibatan dalam kerja sukarela dapat memperluaskan rangkaian sosial dan memberikan kepuasan diri kerana mereka dapat memberi impak positif kepada masyarakat. Pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan bekerja dalam kumpulan yang pelbagai. Aktiviti sukarelawan memberi peluang kepada pelajar untuk mengetuai projek, mengurus pasukan, serta mengasah kemahiran kepimpinan dan komunikasi. Di samping itu, pelajar akan belajar mengimbangi tanggungjawab akademik dan aktiviti luar serta mencari penyelesaian kepada cabaran di lapangan. Oleh itu, penglibatan dalam aktiviti sukarelawan bukan sahaja membentuk sahsiah yang positif tetapi juga membantu dalam pembangunan kebajikan dan kesejahteraan pelajar secara menyeluruh.

Namun begitu dilihat masih ramai pelajar yang tidak menunjukkan ciri-ciri sahsiah mahupun berkaitan dengan kebajikan pelajar apabila selesai setiap program sukarela. Seolah-olah program sukarela gagal mencapai matlamat untuk membentuk sahsiah pelajar. Ini sekaligus menimbulkan persoalan sejauh mana kesan aktiviti kesukarelawanan memberi kesan yang positif terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. Adakah penglibatan dalam aktiviti ini mampu membentuk keperibadian yang unggul dan meningkatkan kesejahteraan mental

pelajar, atau adakah ia sekadar aktiviti sampingan tanpa impak yang signifikan. Oleh yang demikian kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti kesan aktiviti sukarelawan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. Ini kerana penglibatan pelajar untuk mengikuti aktiviti sukarelawan masih di tahap yang rendah. Malah pelajar yang sama sahaja akan memberi respon untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang diiklankan di politeknik.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenalpasti kategori program sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik Mersing.
2. Menilai kesan aktiviti sukarelawan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar Politeknik Mersing.

### Sorotan Kajian

Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, termasuk sukarelawan, boleh membantu meningkatkan prestasi akademik dan bukan akademik pelajar (Granatuma & Fatayan, 2022). Aktiviti sukarelawan membantu pelajar membina kemahiran sosial yang penting. Melalui kerja sukarelawan, pelajar akan belajar untuk bertanggungjawab kepada masyarakat dan boleh berinteraksi dengan lebih baik dengan orang di sekeliling mereka (Jasni & Omar, 2022). Ini selaras dengan kajian yang menunjukkan bahawa penyertaan dalam aktiviti luar seperti sukarelawan dapat membantu pelajar memahami dengan lebih mendalam tentang isu sosial dan alam sekitar (Rasul et al., 2020). Penglibatan dalam aktiviti sukarelawan juga membolehkan pelajar menerapkan pengetahuan yang dipelajari di dalam bilik darjah kepada situasi kehidupan sebenar. Ini memberi mereka peluang untuk belajar secara praktikal dan melihat lebih luas isu sosial dan kemanusiaan yang berlaku di sekeliling mereka (Rasul et al., 2020).

Dengan mengikuti aktiviti sukarelawan juga dapat membantu mengurangkan tekanan emosi dan stres di kalangan pelajar yang mana melalui aktiviti sukarelawan akan membantu meningkatkan kesihatan mental pelajar dengan mengurangkan tekanan emosi dan stres. Dalam konteks pandemik COVID-19, isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar menjadi semakin serius. Kajian menunjukkan bahawa penglibatan dalam sukarelawan dapat membantu pelajar mengurus tekanan emosi dan meningkatkan kesejahteraan mental mereka (Sahide et al., 2022). Ini penting kerana tekanan emosi yang tinggi boleh memberi kesan negatif kepada prestasi akademik pelajar. Aktiviti sukarelawan juga dapat meningkatkan motivasi akademik dan mengurangkan kebimbangan, yang seterusnya memberi kesan positif kepada prestasi akademik pelajar (Hunta et al., 2020). Selain itu, Melalui aktiviti ini, pelajar dapat berinteraksi dengan orang lain dan menyumbang kepada masyarakat, yang memberi mereka rasa tujuan dan kepuasan diri, sekaligus mengurangkan perasaan terasing dan stres.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan 72 orang pelajar Politeknik Mersing, Johor sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik skala nominal yang dibina sendiri namun telah melalui prosedur yang lengkap dalam pembinaan item, termasuk semakan item bagi memastikan kesahihan kandungan. Kebolehpercayaan item diukur menggunakan nilai Cronbach Alpha yang tinggi iaitu 0.988, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Analisis data dijalankan secara deskriptif, dan pengukuran tahap dibuat berdasarkan nilai min seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019). Nilai skor min diterjemahkan kepada empat tahap iaitu 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

## Hasil Kajian


Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Rajah 1. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS v.26.

### Latar Belakang Responden

**Jadual 1: Latarbelakang responden**

Kategori	Pilihan	Bilangan Responden (%)
Jantina	Lelaki	48.60%
	Perempuan	53.40%
Jabatan	JP	6.90%
	JKE	31.50%
	JTMK	61.60%
Semester	1	8.20%
	2	48.60%
	3	0%
	4	31.50%
	5	0%
	6	11.00%
HPNM	1.00 ke bawah	0%
	1.01 - 2.00	0%
	2.01 - 3.00	20.50%
	3.01 - 4.00	76.70%
	Sem 1 (Tiada HPNM)	2.70%
Pendapatan Ibu Bapa	RM1000 - RM4849	63%
	RM4850 - RM10509	31.50%
	RM10860 dan ke atas	5.50%

### Analisis Kategori Program Sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik Mersing.



**Rajah 1 : Kategori Program Sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik Mersing.**

Berdasarkan Rajah 1 di atas, kategori yang paling tinggi disertai adalah Khidmat Masyarakat (36 responden, 13.5%), diikuti dengan Program Sukan (35 responden, 13.2%), dan Program Bantuan Makanan (32 responden, 12.0%). Ini mungkin kerana aktiviti yang melibatkan interaksi langsung dengan komuniti setempat secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang secara terus kepada masyarakat. Pelajar lebih berminat kepada aktiviti yang menawarkan pengalaman yang menyeronokkan dan melibatkan aktiviti fizikal yang boleh membantu mengurangkan tekanan emosi.

Kategori yang paling rendah ialah Lain-lain, yang merangkumi CSR Alam Sekitar, Pembersihan Kubur, dan Program Derma Darah iaitu dengan hanya 1 responden (0.4%). Bilangan yang rendah ini mungkin disebabkan oleh kurangnya promosi atau kesedaran mengenai program-program ini dalam kalangan pelajar. Selain itu, aktiviti-aktiviti ini mungkin diadakan secara tidak kerap atau memerlukan komitmen khusus menyebabkan penyertaan pelajar menjadi terhad. Faktor budaya atau persepsi terhadap aktiviti seperti pembersihan kubur juga mungkin mempengaruhi minat untuk menyertai program dalam kategori ini.

### **Analisis Kesan Kesan Aktiviti Sukarelawan terhadap Pembangunan Sahsiah dan Kebajikan Pelajar**

**Jadual 2 : Analisis Kesan Aktiviti Sukarelawan terhadap Pembangunan Sahsiah dan Kebajikan Pelajar**

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Aktiviti sukarelawan membantu saya menjadi lebih bertanggungjawab.	4.636	0.730	Tinggi
Saya lebih yakin dalam berkomunikasi selepas menyertai aktiviti sukarelawan.	4.477	0.788	Tinggi
Penglibatan dalam sukarelawan meningkatkan nilai kepimpinan dalam diri saya.	4.545	0.757	Tinggi
Aktiviti sukarelawan membentuk sikap empati dan toleransi dalam diri saya.	4.580	0.723	Tinggi
Saya lebih berdisiplin selepas menyertai aktiviti sukarelawan.	4.591	0.705	Tinggi
Saya lebih berpenampilan kemas selepas menyertai aktiviti sukarela	4.511	0.743	Tinggi
Melalui aktiviti sukarela, saya berpeluang berkenalan dengan individu atau agensi penting yang boleh membantu saya pada masa hadapan.	4.568	0.755	Tinggi
Aktiviti sukarela membantu saya mengetahui lebih banyak peluang biasiswa, bantuan makanan, dan program kebajikan pelajar.	4.602	0.704	Tinggi
Setengah program sukarelawan menawarkan elaun, makanan percuma, atau keistimewaan lain kepada peserta aktif.	4.523	0.758	Tinggi
Penglibatan dalam aktiviti sukarela meningkatkan peluang saya untuk mendapatkan pekerjaan dan biasiswa.	4.591	0.721	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan tahap persetujuan pelajar terhadap kesan aktiviti sukarelawan terhadap pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar. Item yang memperolehi min yang tertinggi ialah aktiviti sukarelawan membantu pelajar menjadi lebih bertanggungjawab iaitu 4.636, diikuti item aktiviti sukarela membantu pelajar mengetahui lebih banyak mengenai peluang biasiswa, bantuan makanan, dan program kebajikan pelajar iaitu 4.602 dan min yang sama 4.591 bagi dua item iaitu pelajar lebih berdisiplin selepas menyertai aktiviti sukarelawan dan penglibatan dalam aktiviti sukarela meningkatkan peluang pelajar untuk mendapatkan pekerjaan dan biasiswa. Aktiviti sukarelawan sering kali melibatkan interaksi dengan pelbagai organisasi dan individu yang menyediakan maklumat tentang bantuan dan peluang yang ada (Fazilah & Shaffie, 2020). Md Asrul Nasid (2019) pula menyatakan bahawa hasil aktiviti sukarelawan yang disertai oleh mahasiswa dapat mewujudkan jaringan profesional. Jaringan sosial dapat ditingkatkan melalui penyertaan di dalam aktiviti sukarelawan. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti ini berpeluang untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sumber-sumber yang boleh membantu mereka dalam pendidikan dan kehidupan seharian. Manakala item yang memperolehi min paling rendah ialah item pelajar masih tidak yakin dalam berkomunikasi walaupun selepas menyertai aktiviti sukarelawan iaitu 4.477. Secara keseluruhannya, program sukarelawan berjaya mencapai matlamat dalam membentuk sahsiah pelajar, terutamanya dalam aspek tanggungjawab, disiplin diri, dan pendedahan kepada peluang biasiswa serta kebajikan pelajar. Ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan bukan sahaja membantu dalam pembentukan nilai murni, tetapi juga membuka peluang kepada pelajar untuk meningkatkan potensi akademik dan kerjaya mereka. Namun begitu aktiviti sukarelawan yang dijalankan kurang memberi penekanan kepada interaksi sosial yang aktif atau peluang untuk pelajar melatih kemahiran komunikasi secara efektif. Tugas-tugas atau peranan dalam aktiviti sukarelawan mungkin lebih berfokus kepada kerja-kerja belakang tabir atau teknikal yang tidak memerlukan pelajar untuk berkomunikasi secara langsung dengan orang ramai.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa program sukarelawan berjaya mencapai matlamat dalam membentuk sahsiah pelajar, terutamanya dalam aspek tanggungjawab, disiplin diri, dan pendedahan kepada peluang biasiswa serta kebajikan pelajar. Ini membuktikan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan bukan sahaja membantu dalam pembentukan nilai murni, malah turut membuka peluang kepada pelajar untuk meningkatkan potensi akademik dan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti sukarelawan yang dijalankan kurang memberi penekanan kepada interaksi sosial yang aktif dan latihan kemahiran komunikasi secara efektif. Ini mungkin disebabkan oleh peranan yang lebih berfokus kepada kerja-kerja belakang tabir atau teknikal yang tidak memerlukan komunikasi secara langsung dengan orang ramai. Selain itu, kajian mendapati bahawa kategori aktiviti seperti CSR Pencemaran Alam Sekitar, Pembersihan Kubur, dan Program Derma Darah mencatatkan peratusan penyertaan yang terendah. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya daya tarikan, tanggapan negatif, dan keperluan komitmen fizikal yang tinggi. Oleh itu, institusi atau pensyarah disarankan untuk menyediakan lebih banyak peluang sukarelawan yang menarik dan relevan dengan bidang pengajian pelajar serta memberi insentif seperti kredit akademik atau pengiktirafan rasmi. Dengan menyediakan platform yang lebih interaktif dan memberi pendedahan yang meluas mengenai kepentingan sukarelawan, pelajar akan lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang memberi impak positif kepada sahsiah dan kebajikan mereka.

## Rujukan

- Abdul Kadir, Z., Megat Abdul Rahim, P. R., Syed Husain, S. S., Rais, H., & Yulia, Y. (2024). The Role of Volunteerism in Shaping Youth Social Skills: A Study of Motivational Factors in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(10), e003055. DOI:[10.47405/mjssh.v9i10.3055](<https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/3055>)
- Fazilah, S. and Shaffie, F. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan: satu kajian literatur (factors affecting volunteer motivation in carrying out volunteer activities: a literature review). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.2>
- Granatuma, H. and Fatayan, A. (2022). Analisis prestasi peserta didik dilihat dari sistem manajemen berbasis sekolah di sekolah dasar islam. *Jurnal Basicedu*, 6(3), 4598-4504. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v6i3.2828>
- Hunta, W., Herlina, S., & Firmansyah, M. (2020). Analisis faktor pengaruh self regulated learning terkait motivasi akademik dan kecemasan sebelum ujian terhadap prestasi akademik mahasiswa. *Jurnal Kesehatan Islam Islamic Health Journal*, 8(1), 34. <https://doi.org/10.33474/jki.v8i1.8868>
- Hamzah, S. R., Suandi, T., Shah, J. A., Ismail, I. A., & Hamzah, A. (2016). Understanding the Reasons for Malaysian Youth Participation in Volunteering Activities. *Athens Journal of Social Sciences*, 3(1), 39-52. DOI: [10.30958/ajss.3-1-4](<https://doi.org/10.30958/ajss.3-1-4>)
- Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Marzuki Mohd Nor, N., & Marzuki, M. (2021). The Effectiveness of Volunteer Education Among Students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) to Enhance Soft Skills Values. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 6(39), 208-222.
- Jasni, M. and Omar, N. (2022). Peranan sukarelawanan untuk membentuk bandar selamat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(11), e001959. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1959>
- New, K. H., & Tan, Y. X. (2023). Volunteering as a Catalyst for Motivation and Skill Development in Malaysian University Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 460-472. DOI:[10.6007/IJARPED/v12i2/16915](<https://hrmars.com/index.php/IJARPED/article/view/16915/Volunteering-as-a-Catalyst-for-Motivation-and-Skill-Development-in-Malaysian-University-Students>)
- Norsela A. Manaf, Intan Rahimah Ahmad, & Nurul Ilyana Baharudin. (2024). Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Aktiviti Sukarelawan Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi and Sains Sosial (JKTSS)*, 7(2). Retrieved from <https://jktss.puo.edu.my/jurnalpuo/index.php/jurnal/article/view/123>
- Md. Zain, S., Mohd Junaidi, M. I., & Ahmad Basri, N. E. (2022). Sukarelawan Alam Sekitar: Penerimaan dan Kefahaman Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2). URL:[<https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/165>](<https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/165>)
- Md Asrul Nasid. (2019). *5 Rahsia Kelebihan Menjadi Sukarelawan Mahasiswa. [Versi Elektronik]*. Dimuatturun daripada [https://news.uthm.edu.my/ms/2019/08/5\\_-rahsia-kelebihan-menjadi-sukarelawan-mahasiswa/](https://news.uthm.edu.my/ms/2019/08/5_-rahsia-kelebihan-menjadi-sukarelawan-mahasiswa/)
- Rasul, N., Mohamed, R., Wahid, S., Junus, Y., & Noh, R. (2020). Faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti bukan akademik anjuran universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 5(11), 85-94. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.559>

- Rasul, N., Mohamed, R., Wahid, S., Junus, Y., & Noh, R. (2020). Faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti bukan akademik anjuran universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 5(11), 85-94. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.559>
- Sahide, N., Pauzi, H., & Noh, N. (2022). Isu dan literasi kesihatan mental dalam kalangan remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(8), e001688. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1688>
- Sahri, M., Murad, K., Alias, A., & Sirajuddin, M. D. (2013). Empowering Youth Volunteerism: The Importance and Global Motivating Factors. *Journal of Educational and Social Research*, 3(7), 502.
- Yahya Zikri, S., Ismail, K., Zulkifli, A. S., Hashim, N., & Zainuddin, N. A. (2022). Penglibatan Belia dalam Aktiviti Kesukarelawan di Malaysia: Sumbangan dan Peranan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1(1), 30–36. URL: [<https://majmuah.com/journal/index.php/konsep/article/view/197>](<https://majmuah.com/journal/index.php/konsep/article/view/197>)